


NOSTALGIA Kelas Bahasa Arab

Masjid Alwi Tahun 1970 an

Oleh : *Shukor Mat*

Pada awal tahun 1970 an Mufti Perlis merangkap Imam Masjid Alwi ketika itu iaitu Ustaz Abdul Rahman Ismail terpaksa menerima permohonan daripada beberapa orang anak jemaahnya untuk mengajar Bahasa Arab di masjid tersebut. Kelas ini terbuka kepada umum untuk mempelajari Bahasa Arab awalan. Bayaran dikenakan sebanyak RM 10 (Ringgit Malaysia Sepuluh) seorang untuk sebulan. Setiap orang yang ingin belajar perlu menyediakan sendiri sebuah meja kontot untuk kemudahan menulis; iaitu sebuah meja kecil yang rendah dan duduk di atas lantai papan (pada masa tersebut bangunan tambahan baru saja dibina dengan tiang besi bulat, beratap asbestos dan berlantaikan



Terdapat lebih kurang 15 orang peserta kelas Bahasa Arab tersebut iaitu En.Halil daripada Jabatan Pelajaran, En.Taib Hassan daripada Pejabat Tanah dan Galian Perlis, Pak Kassim, Pak Noor Pustaka Cahaya, Pak Din Kedai Runcit Behor Temak, Pak Noh (Datuk Noh) Polis Pencen daripada Pengkalan Assam, Pak Ismail Mata-mata Saman Pencen daripada Pengkalan Assam, Tok Haji Alwi di Jalan Sekolah Derma, Datuk Jaafar Hassan (Menteri Besar Perlis ketika itu), Pak Su Samsuddin (Tok Bilal dan Siak Masjid Alwi masa itu), Cikgu Abdullah yang rumahnya di seberang jalanraya bersebelahan Masjid Alwi dan penulis sendiri yang pada masa tersebut bekerja kampung membantu ayah di Kampung Batu Hampar, Seriab.

Kelas Bahas Arab diadakan pada setiap pagi kecuali pagi Jumaat kerana ada kuliah subuh yang diberikan oleh ustaz Abdul Rahman sendiri. Kelas ini bermula jam 4.30 pagi hingga azan subuh dan kelas akan disambung semula selepas subuh hingga jam 7.00 pagi. Pada masa ini waktu subuh masuk awal iaitu lebih kurang jam 5.00 pagi kerana masa ini waktu Malaysia belum lagi dipinda oleh Dr.Mahathir (Perdana Menteri Malaysia yang bertanggungjawab merubah kedudukan waktu di Malaysia kemudiannya).

Jenis pengajian yang dijalankan ialah membaca, menulis dan merencana iaitu pada setiap pagi. Bagitu juga ilmu nahu, hadith, dan menulis secara menggunakan huruf-huruf "rakaah" Arab.



Setelah belajar lebih kurang tiga tahun maka pada tahun akhir pengajian ustaz menjelaskan bahawa pelajaran yang telah dipelajari itu standing dengan pelajaran Sijil Rendah Pelajaran dalam Bahasa Arab dan mudah membaca Al-Quran.

Sungguhpun tidak ada peperiksaan luar dalam kelas Bahasa Arab ini, yang ada cuma rencana Bahasa Arab atau imlak iaitu ustaz membaca pelajar menuliskannya dengan menggunakan huruf-huruf Arab yang betul. Rencana Bahasa Arab dijalankan setiap minggu, membaca dan memahami maksud petikan karangan dalam Bahasa Arab dan mempelajari nahu Bahasa Arab dibuat setiap hari. Buku latihan dikumpul setiap minggu untuk diperiksa oleh ustaz dirumahnya. Setiap ayat yang salah (dibubuh tanda cabang dengan dakwat merah) wajib dibuat pembetulan. Ilmu dan pengajaran utama yang didapati bukanlah semata-mata pengetahuan Bahasa Arab, tetapi kelas tersebut telah membentuk sahsiah atau akhlak terpuji seperti yang dituntut oleh Islam iaitu melahirkan sifat-sifat rajin, cekal dan tidak mudah berputus asa, rajin bangun awal, sabar, tertanam perasaan kekitaan atau kemesraan (feeling to belongs together/esprit de corps), cintakan masjid, suka merendahkan diri dan membuat sesuatu secara berterusan atau istiqamah (consistent). Contoh terbaik ialah sikap merendahkan diri, kemesraan dan nilai-nilai istiqamah yang telah ditunjukkan oleh Datuk Jaafar Hassan (Menteri Besar Perlis ketika itu) yang sanggup belajar bersama orang biasa dengan sikapnya yang mesra sepanjang masa berjumpa. Selepas bersara beliau menjadi seorang pendakwah bebas menjalankan dakwah di kawasan-kawasan yang pernah didampinginya dahulu.

Waktu ini Masjid Alwi masih belum mengalami sebarang pembesaran secara kekal; cuma ada dua buah bangunan tambahan yang menghadap ke jalan dan padang masjid. Bangunan ini berlantai papan, bertiang besi bulat dan beratapkan asbestos. Pegawai-pegawai masjid pada masa ini ialah Ustaz Abdul Rahman Ismail sebagai Imam, Ustaz Hashim menjadi Penolong Imam, Bilalnya, Pak Su Samsuddin dan Encik Zain, manakala Siaknya Pak Kassim.

Kini kebanyakan rakan-rakan kelas Bahasa Arab yang lebih kurang 15 orang itu telah lama pergi ke rahmatullah meninggalkan kami berempat lagi iaitu En. Halil, En. Taib Hassan, Pak Kassim dan saya sendiri. Banyak peristiwa pahit manis yang dialami oleh rakan-rakan seperjuangan sewaktu bangun awal menuju ke masjid. Umpamanya Pak Din Kedai kena usik hantu dan dikejar anjing gila.

Kebanyakan rakan-rakan yang ke masjid ketika itu dapat menjalani kehidupan dengan tabah dan berjaya. Contohnya Pak Noor Pustaka Cahaya berjaya menjadi pemilik Kedai Buku Pustaka Cahaya, walhal pada masa silamnya beliau menjual buku-buku dan kitab-kitab agama secara kilik atau gelas dari rumah ke rumah. Datuk Jaafar Hassan pula terus menjadi Menteri Besar Perlis selama 10 tahun setelah mencapai kemenangan dalam pilihanraya kemudiannya (lihat Omar Yaakob, *Jaafar Hassan Tokoh Pewaris Pembangunan Perlis*, Warisan Indera Kayangan, Bil. 7, 1995, hal. 3.). Pak Su Samsuddin yang pernah menjadi Bilal dan Siak Masjid Alwi juga seorang yang peramah dan penyayang. Beliau sentiasa berhubung dengan anak jemaah dan mengajarkan beberapa doa seperti yang terdapat di dalam hadith Nabi s.a.w. untuk diamalkan. Bagitu juga dengan Tok Haji Alwi yang wajahnya sentiasa tersenyum, berjalan tunduk dan bercakap dengan lemah lembut. Sepanjang perjalanannya ke masjid dikutipnya segala sampah sarap yang ditemuinya untuk dimasukkan ke dalam tong sampah. Sampah dan kotoran yang ada di masjid seperti najis burung dan cicak dikutip dan dibuangnya. Kasut kayu yang dipakainya digosokkan tapaknya terlebih dahulu sebelum menanggalkannya. Kasutnya kemudian disandarkan jauh dari tangga masjid dalam keadaan berasingan daipada kasut-kasut orang ramai supaya tidak mengganggu orang keluar masuk.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa rakan-rakan kelas Bahasa Arab ini cukup bermakna bagi saya kerana mereka menjadi teman rapat dan mesra yang selalu bertanya khabar dan berkirim salam kepada ibu bapa di rumah. Mereka mengambil tahu tentang susah-senang rakan-rakan terutama sekali jika diketahui ada di antara rakan-rakan yang tidak hadir kelas. Semoga Allah mecucuri rahmat ke atas roh rakan-rakan yang telah pergi.

Ustaz Abdul Rahman Ismail merupakan guru yang cemerlang; bukan sahaja sebagai guru bahasa Arab tetapi juga sebagai guru agama, pendakwah dan pemedato terbaik. Kelantangan suaranya, kesungguhannya mengolah fakta dan laras bahasa yang diucapkannya cukup-cukup memukau hati dan perasaan penonton yang mendengarnya sehingga mudah difahami, diingat dan dapat diceritakan kembali hingga ke hari ini. Saya masih lagi mengingati sebuah hadith yang disebutkan berulang kali mengenai sahabat Nabi s.a.w. bernama Mu'aadz b.Jabal yang tangannya dipegang oleh Nabi s.a.w. sambil berkata "sesungguhnya saya kasihkan kamu". Mu'aadz menjawab: "Demi bapaku, tuan dan ibuku; aku juga cinta kepada tuan wahai Rasulullah". Maka Nabi pun bersabda: "Saya berpesan kepada engkau, wahai Mu'aadz; janganlah engkau tinggalkan di penghujung setiap sembahyang di mana engkau bacakan: "Allahumma a'ainni a'la zikrika washukrika wahusni ibadatika" (Maksudnya wahai Allah tolonglah saya untuk selalu mengingati Engkau, bersyukur kepada Engkau dan memperelokkan ibadat saya kepada Engkau"). (Lihat Muhammad Naasiruddin Al-Baani, *Contoh Sembahyang Rasulullah s.a.w.*, Dinie Publishers, K.Lumpur, 1995, hlm.158).

Beliau juga membawa cerita-cerita hadith yang menarik perhatian orang ramai, terutama sekali kisah kematian seorang sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Muawiyah Allaiti (bukan Muawiyah b.Abu Suffian). Pada hari kematian tersebut langit dunia terasa dilitupi awan mendung tetapi tidak nampak awan dan para sahabat melihat Nabi s.a.w. berjalan perlahan dan berhati-hati dengan keadaan baginda s.a.w. seolah-olah berginjat semasa menuju untuk menziarahi Muawiyah Allaiti. Kemudian salah seorang sahabat bertanya Nabi s.a.w. mengapa terjadi demikian? Nabi s.a.w. menjawab kerana terlalu banyak malaikat turun pada hari ini iaitu tujuh puluh ribu malaikat turun untuk menyembahyangkan jenazah Muawiyah Allaiti. Lalu ditanya lagi kepada Nabi s.a.w. tentang apakah amalan yang dilakukan oleh beliau sehingga terjadi demikian. Nabi s.a.w. menyatakan bahawa Muawiyah Allaiti ini tidak pernah tinggal membaca surah Al-Ikhlâs pada setiap kali beliau bersembahyang. Cerita yang dibawa oleh Ustaz Abdul Rahman ini hampir-hampir sama dengan cerita hadith yang ada di dalam Kitab Hadith Durratun Nashih (Lihat Usman Alkhaibawi, *Durratun Nashih Mutiara Muballigh*, Victory Agencies, K.Lumpur 1989, hlm.947-950). (Lihat juga di dalam H Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Katsier*, Jld. 8 dan 9, Victory Agencie, K.Lumpur, 1994, hlm.154).

Rujukan:

1. Muhammad Naasruddin Al-Baani, *Contoh Sembahyang Rasulullah s.a.w.*, Dinie Publishers, K.Lumpur, 1995.
2. Usman Alkhaibawi, *Durratun Nashih Mutiara Muballigh*, Victory Agencies, K.Lumpur, 1989.
3. H Salim Bahreisy dan H.Said Bahreisy, *Terjemah Singkat Tafsir Ibnu Katsier*, Jilid 8 dan 9, Victory Agencie, K.Lumpur, 1994.
4. Omar Yaakob, *Jaafar Hassan Tokoh Pewaris Pembangunan Perlis*, Warisan Indera Kayangan, Bil. 7, 1995.